



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“MENCARI MALAM SERIBU BULAN”

Tarikh Dibaca :

**25 RAMADAN 1442H/
7 MEI 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**“MENCARI MALAM SERIBU BULAN”****25 RAMADAN 1442H / 7 MEI 2021**

الْحَمْدُ لِلَّهِ ذِي الْفَضْلِ وَالْإِنْعَامِ، فَضْلَ شَهْرِ رَمَضَانَ عَلَىٰ غَيْرِهِ مِنْ شُهُورِ الْعَامِ، خَصَّهُ بِعِزْيٍزٍ مِنَ الْفَضْلِ وَالْكَرَمِ وَالْإِنْعَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، ذِي الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ مَنْ صَلَّى وَصَامَ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ الْبَرَّةِ الْكَرَامِ، وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتُّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ : بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ، وَمَا أَدْرِكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ، لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ، تَنَزَّلُ الْمَلِئَكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ، سَلَامٌ هِيَ حَتَّى مَطْلَعِ الْفَجْرِ .

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan perlindungan Allah SWT di dunia maupun di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Mencari Malam Seribu Bulan**”. Khatib juga ingin menyeru kepada semua agar dapat terus mematuhi garis panduan pencegahan Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan segera mendaftar penerimaan vaksin Covid-19. Mudah-mudahan Allah SWT menyelamatkan kita dari segala bentuk musibah dan wabak penyakit yang berbahaya.

Sidang Jemaah yang dimuliakan,

Masa telah berlalu dengan pantas. Diam tak diam, kita telah pun berada di penghujung Ramadan. Bulan yang penuh keberkatan dan tawaran ini, akan berlalu pergi meninggalkan kita beberapa hari sahaja lagi. Mudah-mudahan kita semua akan dapat mencapai matlamat utama ibadah iaitu menjadi hamba-Nya yang bertakwa, diterima segala amalan dan dimakbulkan doa kita.

Bulan Ramadan ini, Allah SWT telah menyatakan tentang malam yang kebaikannya melebihi seribu bulan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Qadr yang dibacakan tadi bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada Malam Qadar, Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Malam Qadar itu? Malam Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada Malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut); Sejahteralah Malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar!”

Ibn Qudamah dalam *al-Mughni* berpendapat bahawa malam qadar ialah malam yang mulia, diberkati, diagungkan dan mempunyai banyak kelebihan.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Di 10 akhir Ramadan ini, kita hendaklah menggandakan usaha dan ikhtiar kita bagi

mencari kemuliaan dan keberkatan malam seribu bulan yang telah dijanjikan oleh Allah SWT. Berusahalah untuk bangkit awal pada setiap malam untuk melaksanakan solat-solat sunat, membaca al-Quran, berzikir dan lain-lain amalan yang dianjurkan. Pada waktu siangnya pula, sama-sama lah kita memperbanyakkan amalan lain seperti bersedekah, memuliakan anak-anak yatim, dan tunaikanlah zakat bagi yang belum melaksanakannya. Inilah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW sebagaimana diceritakan dalam hadis yang diriwayatkan daripada Saidatina A'isyah R.ANHA:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "يَجْتَهِدُ فِي الْعَشْرِ مَا لَا يَجْتَهِدُ فِي غَيْرِهِ

Maksudnya: “Bahawa Rasulullah SAW berusaha bersungguh-sungguh (beribadah) pada sepuluh akhir (Ramadan) melebihi kesungguhannya pada bulan-bulan yang lain”
(Hadis riwayat Imam Ahmad)

Imam Ibn Rajab al-Hanbali RHM menyatakan bahawa sebahagian ulama mazhab Syafie menaqalkan riwayat daripada Ibn ‘Abbas Radhiyallahu ‘anhuma bahawa: “Menghidupkan Malam Qadar akan terhasil apabila seseorang mendirikan solat Isya’ secara berjemaah dan berazam untuk melakukan solat Subuh secara berjemaah juga. Imam Malik merekodkan dalam *al-Muwatta* bahawa Imam Ibn al-Musayyib berkata: “Sesiapa yang bertemu dengan Malam Qadar bermaksud (yang mendirikan solat) dalam berjemaah (pada malam tersebut), maka dia akan memperolehi kebaikan malam itu. Begitu jualah yang dikatakan oleh Imam al-Syafie Rahimahullah: “Sesiapa yang mendirikan solat Isya’ dan Subuh pada Malam Qadar, maka dia akan memperoleh kebaikannya”.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Ibadah puasa yang sedang kita jalani ini bukanlah semata-mata menahan kita dari makan dan minum pada waktu siang di Bulan Ramadan. Hakikatnya, ibadah puasa yang kita jalani ini melatih kita untuk mengawal diri dari melakukan perkara-perkara yang ditegah dan sia-sia. Ibadah ini melatih kita untuk mengawal kemarahan dan mengawal lidah kita dari berkata perkara yang sia-sia. Ketahuilah bahawa apabila kita banyak berkata-kata, maka boleh jadi, banyaklah salahnya. Apabila banyak salahnya,

maka banyaklah dosanya.

Mutakhir ini, kita mendapati bahawa kebanyakan dari kita gagal mengawal emosi sehingga masing-masing terutamanya di media sosial sehingga sanggup mencemuh para pemimpin, golongan ulama, individu dan sebagainya. Ingatlah peringatan Allah SWT dan Rasul-Nya tentang dosa besar ini. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hujurat ayat 12:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُواْ أَجْتَنِبُوْ كَثِيرًا مِنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجْسَسُوْا وَلَا
يَغْتَبْ بَعْضُكُمْ بَعْضًا أَيُّحُبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَابُ رَحِيمٌ ۝

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jjik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani.”

Imam al-Bukhari dan Imam Muslim juga ada meriwayatkan hadis dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلِقَلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصُمْتُ

Maksudnya: “Barangsiaapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat maka hendaklah dia berkata yang baik atau diam”.

Maka, berpada-padalah dalam mengulas sesuatu isu. Hentikanlah bercakap dan mengulas sesuatu perkara yang bukan dalam pengetahuan kita apatah lagi menyampaikan berita-berita yang palsu dan dusta. Hormatilah para pemimpin, ulama dan saudara-saudara kita yang lain lebih-lebih lagi kita kini menjalani ibadah puasa dalam bulan yang penuh rahmat dan keberkatan.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menekankan beberapa intipati yang perlu diberi perhatian serius iaitu:

Pertama: Gunakanlah masa yang ada ini untuk kita menggandakan usaha melakukan amal-amal kebaikan.

Kedua: Tumpukan segala perhatian dan tindakan kita dalam mencari Malam Qadar di malam-malam yang berbaki ini kerana peluang yang dihidang tidak terdapat dalam bulan-bulan lain.

Ketiga: Jagalah percakapan dan perbuatan kita dari menyakiti saudara-saudara kita yang lain dan elakkanlah mengulas sesuatu yang bukan dalam pengetahuan kita.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ الْسَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولاً

٢٦

Maksudnya: “Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.” (**Surah al-Israa’ ayat 36**)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقْبِلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتغْفِرُ اللَّهَ

الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمَيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَهْلِ
وَاصْحَাহِ الظَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَا يَاهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۖ
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُحِيمِدٌ.
وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي ڤُدوُك بِكِينِدا يَعْ دَفْرُتوان اَكْوُغ ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهُ اَبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجِ اَحْمَدْ شَاهُ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ .

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي ڤُدوُك بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايِسُورِي اَكْوُغ ، تُونِکُو (Tunku) حَاجِه عَزِيزَة اَمِينَة مِيمُونَة إِسْكَنْدَرِيَّة بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ .

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَّارَاهُ وَقُضاَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَا مُطْمَئِنَا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مَنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمَنْ بَلَدَانَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami dapat melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu juga Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَانَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

وَإِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝

فَادْعُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.